

Newspaper	Berita Harian
Date	24/07/2012



Dr Siti Hasmah bersama Adlin (kiri), Umie Aida, Tun Dr Mahathir, Erra, Khairuddin dan Ketua Pengarah Istana Budaya, Datuk Mohamed Juhari Shaarani.

Tidak batal

» Erma Fatima ganti Adlin sebagai pengarah teater Tun Siti Hasmah

BH - 24/7/2012

“Memang kami terkejut apabila membawa laporan desas-desus pembatalan, padahal tiada masalah besar. Biasalah, apabila berlaku rombakan pengarah yang juga penulis skrip, tentu orang baru perlu memperhalusi semula naskhah berkenaan dari awal”

Khairuddin Abu Hassan,
Pengerusi WINTSB

Oleh Hanisah Selamat
nisa@bharian.com.my

Pengunduran Adlin Aman Ramli selaku pengarah Teater Tun Siti Hasmah tidak akan menghalang World Islamic Network Television Sdn Bhd (WINTSB) mementaskan kisah isteri mantan Perdana Menteri itu seperti dijadualkan di Istana Budaya, bermula 30 Ogos sehingga 8 September ini.

Pengerusinya, Datuk Paduka Khairuddin Abu Hassan, berkata Erma Fatima kini dipertanggungjawabkan mengambil alih tempat Adlin, malah sutradara berpengalaman itu giat memperhalusi semula naskhah skrip yang dijangka dapat disempurnakan minggu ini.

Tegasnya, tiada sebab untuk menunda atau membatalkan pementasan seperti dilaporkan sebuah akhbar kerana teater itu sudah dirancang sejak setahun lalu, apatah lagi latihan kini rancak dijalankan manakala penaja juga memberi sokongan penuh.

“Kami kecewa apabila timbul isu pembatalan sedangkan hakikatnya hanya berlaku perubahan pengarah. Adlin sendiri sudah bertemu dengan saya dan meminta pelepasan pada minggu lalu, selain menjelaskan keadaan sebenar serta sebab penarikan dirinya. “Kami menghormati permin-



Erma Fatima

taannya, lagi pun kebetulan Erma yang sebelum ini bertindak sebagai Penasihat Eksekutif pementasan ini baru pulang dari Makkah sekali gus membolehkannya menggalas tugas sutradara. “Sebenarnya awal dulu kami pernah ‘melamar’ Erma, tetapi waktu itu dia sibuk dengan penggambaran dramanya. Nam-paknya ‘jodoh’ Erma memang kuat dengan Teater Tun Siti Hasmah ini,” katanya ketika dihubungi.

Pementasan itu akan menyaksikan aktris tersohor, Erra Fazira, membawakan watak Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Khairuddin berkata, diharap tiada pihak menyebarkan lagi spekulasi kurang enak kerana sedikit sebanyak ia boleh menjejaskan keyakinan penaja, selain boleh memberi kesan kepada penjualan tiket.

“Memang kami terkejut apabila membawa laporan desas-desus pembatalan padahal tiada masa-

lah besar. Biasalah, apabila berlaku rombakan pengarah yang juga penulis skrip, tentu orang baru perlu memperhalusi semula naskhah berkenaan dari awal.

“Setakat ini, kami sudah bertemu sendiri penaja bagi memperjelaskan keadaan. Cuma ada di kalangan bakal penaja yang teragak-agak sedikit selepas mendengar khabar angin berkenaan,” katanya.

Ditanya reaksi Dr Siti Hasmah, katanya, beliau sendiri terus menghubunginya sebaik membaca berita terbabit dan akui, beliau memahami berlaku salah faham berhubung pertukaran pengarah hingga mencekutkan isu pembatalan.

Ulasnya lagi, satu sidang media akan diadakan dalam tempoh terdekat yang bertujuan mengemukakan barisan pelakon selain membuka peluang kepada wartawan melihat perkembangan latihan atau kerja penerbitan.

INFO

Teater Tun Siti Hasmah

- ⊙ **Terbitan:** World Islamic Network Television Sdn Bhd (WINTSB)
- ⊙ **Arahan:** Erma Fatima
- ⊙ **Pelakon utama:** Erra Fazira
- ⊙ **Tarikh persembahan:** 30 Ogos sehingga 8 September 2012
- ⊙ **Lokasi persembahan:** Panggung Sari, Istana Budaya